

11 JAN 1996

Mahathir-senjata

NEGARA ASIA BELI SENJATA UNTUK KESELAMATAN DIRI: PM

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ketika beberapa negara Asia membeli senjata untuk keselamatan sendiri, negara lain di Asia ditipu oleh pembekal senjata dari Barat untuk membeli senjata mereka.

Katanya "jurujual" ini menerusi pemasaran secara agresif telah memberi gambaran salah kepada negara-negara itu bahawa berlaku perlumbaan senjata di benua Asia.

"Jurujual mereka menceritakan mengenai ancaman yang dihadapi setiap negara Asia dan memujuk negara-negara berkenaan membeli senjata mereka," katanya dalam ucapan utama pada Forum Asia Baru di sini.

"Sebaik sahaja senjata itu dibeli, mereka akan menceritakan pula bahawa bakal musuh negara berkenaan memiliki senjata yang lebih baik dan hanya akan dapat diatasi dengan mempunyai senjata lebih baru yang kini dibenarkan dijual oleh kerajaan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata peniaga senjata itu akan juga menjual peralatan perang itu kepada "musuh berpotensi" itu mungkin dengan menyatakan perkara yang sama.

"Dan perkara ini berterusan dengan lebih banyak senjata yang lebih berkesan dicipta dengan kos yang tinggi sehingga mewajarkan penjualannya ke seluruh dunia bagi mendapatkan balik wang yang dibelanjakan," katanya.

Sambil mengakui negara-negara Asia kini "membeli peralatan senjata," Dr Mahathir berkata mereka hanya membeli sejajar dengan tahap perkembangan ekonomi masing-masing dan untuk keperluan keselamatan sendiri yang sah.

"Mereka sebenarnya tidak ingin membeli senjata, tetapi mereka tidak mendapat jaminan walaupun, selepas mencapai kemerdekaan, mereka terus menerus diganggu menerusi pujuk rayu supaya membeli ini dan itu dan lain-lainnya," katanya.

Perdana Menteri berkata negara-negara ini terasa diancam apabila negara-negara kuasa ekonomi Asia diarahkan supaya tidak bercakap dengan negara-negara Asia tertentu yang kecil "kerana para pemimpin negara-negara ini tidak memakai kot dan tali leher apabila wakil negara kononnya kuasa besar ini membuat kunjungan".

Dr Mahathir berkata jika ada ancaman, ianya bukan datang dari negara-negara Asia tetapi dari luar rantau Asia dan "Asia menyedarinya".

Pada masa yang sama, kata Dr Mahathir media barat membuat liputan mengenai apa yang dikatakan perlumbaan senjata itu di Asia, dengan tidak menyebut langsung pembabitian pihak barat dalam penjualan senjata itu.

Katanya walaupun wujud sikap keterlaluan negara dari luar benua Asia, "Asia dan penduduk Asia hendaklah tidak mengamalkan sikap berkonfrontasi".

-- Bernama.